

TERMA DAN SYARAT

Penganjur	Dutch Lady Milk Industries Berhad (196301000165/5063-V)
Nama Promosi	Share the Goodness, Win with Dutch Lady®
Tempoh Promosi	Promosi bermula pada 00:00:00 pada 1 September 2026 dan ditutup pada 23:59:59 pada 31 Oktober 2026.
Kelayakan	Promosi ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dengan nombor pengenalan yang sah (MyKad atau MyPR) pada 1 September 2026.
Kaedah Penyertaan	Penyertaan Melalui Aplikasi WhatsApp Beli mana-mana produk Dutch Lady® UHT ("Produk Penyertaan") bernilai minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh [RM30] ("Pembelian Minimum") dan ke atas dalam satu resit ("Bukti Pembelian"). Pembelian hendaklah dibuat sepanjang Tempoh Promosi melalui mana-mana kedai rasmi dalam talian Dutch Lady® berikut ("Kedai Rasmi Dalam Talian yang Mengambil Bahagian") : - Dutch Lady® Official Shop Shopee (https://shopee.com.my/dutchlady.os) , atau - Dutch Lady® Official Store Lazada (https://www.lazada.com.my/tag/dutchlady-official-store/) , atau - Dutch Lady® Official TikTok Shop (https://www.tiktok.com/@dutchladymy) Resit ("Bukti Pembelian") - Bukti Pembelian hendaklah di dalam bentuk tangkapan skrin invois atau butiran pesanan daripada kedai rasmi dalam talian Dutch Lady®, dengan tarikh/masa pembayaran atau status penghantaran dipaparkan dengan jelas. Resit tersebut juga hendaklah memaparkan tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor ID invois/pesanan, alamat penghantaran serta nama dan/atau logo Kedai ("Butiran Resit"). - Bagi pembelian dalam talian yang menggunakan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau apa-apa diskaun lain, jumlah akhir yang dibayar bagi Produk mestilah memenuhi atau melebihi syarat Pembelian Minimum. - Ambil satu [1] gambar/imej Bukti Pembelian yang jelas dan boleh dibaca berserta Butiran Resit dalam format jpg, jpeg atau png ("Imej"). Setiap satu [1] Imej hendaklah mengandungi gambar satu [1] Resit sahaja. Senarai Produk Penyertaan adalah seperti berikut: - Dutch Lady® UHT Milk 1L - Dutch Lady® UHT Milk 200ml - Dutch Lady® UHT Milk 300ml - Dutch Lady® Kids Omega 125ml - Dutch Lady® Kids Omega 180ml - Dutch Lady® Signature Milk Tea 250ml - Dutch Lady® Signature Matcha 250ml - Dutch Lady® UHT Milk 125ml

TERMA DAN SYARAT

	3. Imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi yang terdapat di Kedai Dalam Talian atau hantar maklumat yang diperlukan melalui aplikasi WhatsApp kepada nombor 013-692 8219 : • Gambar Bukti Pembelian jelas • Nama Penuh • Nombor MyKad/MyPR (cth., Gambar Bukti Pembelian , Daniel Bin Ashraf, 87xxxx-1x-5xxx) ("Penyertaan") 4. Setiap Penyertaan Layak, dilengkapi dengan gambar Bukti Pembelian yang diperlukan, memenuhi syarat pembelian dan maklumat peribadi yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur semasa Tempoh Promosi akan diberikan nombor siri secara automatik. Untuk setiap pembelian RM30.00 Produk Penyertaan Dutch Lady® dalam satu Bukti Pembelian, satu (01) nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan tersebut, tertakluk kepada maksimum sepuluh (10) nombor siri bagi setiap satu (1) resit. Sebagai contoh : a) Satu Bukti Pembelian dengan pembelian Produk Penyertaan bernilai lebih daripada RM60.00, DUA (02) nombor bersiri akan diperuntukkan. b) Satu Bukti Pembelian dengan pembelian Produk Penyertaan bernilai lebih daripada RM560.00, SEPULUH (10) nombor siri akan diperuntukkan. 5. Peserta boleh mengemukakan seberapa banyak Penyertaan yang dikehendaki. Walaubagaimanapun, setiap Bukti Pembelian yang unik berserta butiran peribadi lengkap yang diperlukan hanya layak untuk SATU [1] Penyertaan. 6. Setiap Penyertaan yang diterima sepanjang Tempoh Promosi akan disemak dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan Layak [setiap satu disebut sebagai "Penyertaan Layak" dan secara kolektif disebut sebagai "Penyertaan Layak"]. 7. Penganjur berhak membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan yang mengandungi Bukti Pembelian yang tidak jelas atau tidak boleh dibaca, Penyertaan yang tidak lengkap, duplikasi Bukti Pembelian, dan/atau lebih daripada satu [1] Bukti Pembelian, tanpa memberikan sebarang notis lanjut kepada Peserta. 8. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian digital rasmi yang asal dan dijana oleh Kedai Rasmi Dalam Talian yang mengambil bahagian dan dokumen pengenalan diri untuk tujuan pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.
--	---

TERMA DAN SYARAT

Tarikh Akhir Penyertaan	Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 31 Oktober 2026. Untuk penyertaan mingguan, Penganjur harus menerima penyerahan penyertaan pada atau sebelum 23:59:59 pada tarikh terakhir setiap Minggu Promosi seperti yang dibentangkan di bawah. Jadual Minggu Promosi ☐ Minggu 1 : 1 September 2026 – 7 September 2026 ☐ Minggu 2 : 8 September 2026 – 14 September 2026 ☐ Minggu 3 : 15 September 2026 – 21 September 2026 ☐ Minggu 4 : 22 September 2026 – 28 September 2026 ☐ Minggu 5 : 29 September 2026 – 5 Oktober 2026 ☐ Minggu 6 : 6 Oktober 2026 – 12 Oktober 2026 ☐ Minggu 7 : 13 Oktober 2026 – 19 Oktober 2026 ☐ Minggu 8 : 20 Oktober 2026 – 31 Oktober 2026
Hadiah	Hadiah Sebanyak Empat Puluh Lima [45] Hadiah untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi. Hadiah Utama 5 x Beg Kabin RIMOWA Hybrid bernilai RM5,100.00 setiap satu (Jumlah keseluruhan: 5 Hadiah Utama sepanjang Tempoh Promosi) Hadiah Mingguan 5 x PIN Tambah Nilai Touch 'n Go bernilai RM100 setiap satu (5 pemenang setiap minggu x 8 minggu) (Jumlah keseluruhan: 40 Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Promosi)
Butiran Penghakiman dan Pemilihan Pemenang	Pengesahan Penyertaan a. Gambar Bukti Pembelian yang jelas, yang menunjukkan Produk Penyertaan dan nilainya, nombor invois/pesanan, tarikh pembelian yang sah, alamat penghantaran serta tarikh/masa pembayaran yang sah. b. Butiran peribadi yang sah. c. Kesahihan tarikh pembelian dan pematuan terhadap Syarat Pembelian. d. Tiada duplikasi Bukti Pembelian. e. Tiada perubahan Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk; Nama kedai, item yang dibeli, harga dan masa transaksi. f. Bukti Pembelian Tulisan Tangan, Pesanan Pembelian dan Nota Penghantaran TIDAK akan diterima sebagai bukti pembelian. Setiap peserta layak memenangi maksimum dua (02) hadiah sepanjang Tempoh Promosi. • 1x Hadiah Utama dan 1x Hadiah Mingguan KAEDAH PEMILIHAN DAN PENYENARAIAAN PENDEK PEMENANG: Hadiah Utama : 5x Beg Kabin RIMOWA Hybrid bernilai RM5,100.00 setiap satu. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaraian pendek pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri

TERMA DAN SYARAT

	kepada setiap Penyertaan Layak yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur bagi sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan kriteria yang diterangkan di atas. Satu set nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak bermula dari nombor siri "1". Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan ditabulasikan dan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah keseluruhan nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak") sepanjang Tempoh Promosi. Dengan andaian jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Promosi adalah 800, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut: $800 \div 5 = \mathbf{160^*}$ Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak dengan nombor siri ke-160 dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 160. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 160*, 320*, 480*, 640* dan 800*. Seramai 5 pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi . Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. Hadiah Mingguan : 5 x PIN Tambah Nilai Touch 'n Go bernilai RM100 setiap satu Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaraian pendek pemenang Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri kepada setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur bagi sepanjang Tempoh Promosi Mingguan [setiap satu disebut sebagai "Penyertaan Mingguan Layak" dan secara kolektif disebut sebagai "Penyertaan Mingguan Layak"]. Satu set nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Mingguan Layak bermula dari nombor siri "1". Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Mingguan Layak akan ditabulasikan dan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah keseluruhan nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Mingguan Layak ("Jumlah Penyertaan Mingguan Layak") sepanjang Tempoh Promosi Mingguan . Dengan andaian jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Promosi adalah 60, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut: $60 \div 5 = \mathbf{12^*}$ Pemenang Hadiah Mingguan yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak dengan nombor siri ke-160 dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 12. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 12*, 24*, 36*, 48* dan 60*. Seramai 5 pemenang akan dipilih SETIAP Tempoh Promosi Mingguan .
--	---

TERMA DAN SYARAT

	Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. <u>Pemenang-Pemenang Yang Disenarai Pendek</u> Pemenang-pemenang yang disenarai pendek, yang dipilih berdasarkan kaedah pemilihan seperti yang diterangkan di atas, akan dimaklumkan atau dihubungi melalui WhatsApp dari Nombor WhatsApp Rasmi Promosi 013-692 8219, pada nombor telefon yang digunakan untuk menghantar Penyertaan Layak kepada Penganjur. Setiap pemenang yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu soalan mudah berkaitan Promosi. Pemenang-pemenang yang disenarai pendek mesti membalas dan memberikan jawapan yang betul melalui WhatsApp ke Nombor WhatsApp Rasmi Promosi 013-692 8219 dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi layak memenangi hadiah. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang yang disenarai pendek tersebut akan dibatalkan dan pemenang pengganti akan dipilih berdasarkan nombor siri Penyertaan Layak yang mendahului Penyertaan yang dibatalkan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. Soalan Peraduan Promosi: “Tarikh tutup penyertaan Share the Goodness, Win with Dutch Lady® ialah pada 31 Oktober 2026.” (Betul/Salah?) Penganjur akan menjalankan proses pengesahan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bagi mengesahkan kesahihan pembelian yang dibuat oleh setiap calon pemenang sebelum pemenang akhir diumumkan. Pengumuman Pemenang Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman media sosial Penganjur di https://www.facebook.com/spread.the.goodness.of.milk. Pengumuman pemenang dijadualkan pada 10 Disember 2026. Semua calon pemenang yang disenarai pendek akan dimaklumkan melalui WhatsApp menerusi nombor telefon untuk dihubungi yang dikemukakan kepada Penganjur dalam Penyertaan Layak. Penganjur berhak untuk meminta Bukti Pembelian digital rasmi yang asal dan dijana oleh Kedai Rasmi Dalam Talian yang mengambil bahagian untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan Bukti Pembelian tersebut atas permintaan akan mengakibatkan penyertaan dibatalkan dan pelucutan peluang memenangi hadiah tersebut.
--	--

TERMA DAN SYARAT

Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran	1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. 2. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, boleh ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur. 3. Semua hadiah akan diproses untuk pengambilan dalam tempoh empat puluh lima (45) hari bekerja dari tamat Tempoh Promosi; 31 Oktober 2026. Penganjur berhak untuk melanjutkan garis masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. 4. Kegagalan memberi maklumat atau butiran yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditentukan akan mengakibatkan pembatalan atau kehilangan kelayakan memenangi hadiah tersebut. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan. 5. Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak-pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan hadiah. 6. Semua Hadiah PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet akan diproses untuk dihantar kepada pemenang melalui WhatsApp dari nombor WhatsApp Rasmi Peraduan 013-692 8219 ke nombor telefon pemenang yang diberikan semasa penghantaran Penyertaan Promosi. Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet adalah tertakluk kepada Terma & Syarat TNG Digital Sdn Bhd; https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf 7. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang bernilai sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga [3] bulan dari tarikh surat atau pengumuman atau notis tuntutan hadiah, yang mana lebih awal. 8. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. 9. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut. 10. Semua hadiah diberikan atas dasar "seadanya". Sebarang isu, kecacatan atau kerosakan yang berpunca daripada kecacatan pembuatan adalah tertakluk sepenuhnya kepada jaminan pengeluar (jika ada). Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan, kerosakan atau kegagalan fungsi hadiah selepas hadiah tersebut diserahkan.
---	---

TERMA DAN SYARAT

Terma Tambahan	1. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakny, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya berlaku sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat. 2. Penganjur, dan/atau wakil tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan oleh Peserta dalam Promosi ini, serta penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi. 3. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan. 4. Dengan menyertai Promosi ini, peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka, dan Penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau gambar peserta dan pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis lanjut dan setiap peserta tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan untuk penggunaan penyertaan mereka oleh Penganjur. 5. Dengan mengemukakan penyertaan ke Promosi, Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat. 6. Untuk penerangan yang lebih terperinci tentang amalan privasi kami, sila rujuk Dasar Privasi kami di https://www.dutchlady.com.my/privacy-policy/ 7. Peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: No. Telefon Dutch Lady Careline : 1800-81-3855 Alamat e-mel: dutchladycareline@frieslandcampina.com 8. Sekiranya sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.
-----------------------	--